



Ahmad ketika melawat mangsa banjir yang ditempatkan di SK Anak Ikan, Besut semalam.

Banjir besar hari ini, esok

BESUT- Penduduk negeri ini terutama yang tinggal di pesisir pantai dan kawasan rendah diminta bersiap sedia terhadap kemungkinan banjir besar pada 25 dan 26 Disember memandangkan air laut pasang besar dan hujan lebat.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said berkata, sekiranya hujan masih berterusan, di-khuatiri banjir besar melanda kerana pergerakan air sungai mengalir perlahan ke laut akibat per-tembungan air laut pasang.

Beliau nasihatkan orang ramai berwaspada dan mematuhi arahan jika diarah berpindah.

“Dungun, Setiu dan Besut sudah mula di-landa banjir sejak malam semalam menyebabkan mereka yang terbabit kini dipindahkan ke pusat pemindahan disediakan Jawatankuasa Bencana Banjir Daerah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Anak Ikan, dekat Tok Dor, Jabi, yang menempatkan 104 mangsa banjir, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Setiu, Datuk

Mohd Jidin Shafee; Adun Jabi, Ramlan Ali; Pegawai Daerah Besut, A Rahim Jusoh; Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Zuhaimi Omar; Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Anwa Sulaiman dan pegawai kanan negeri.

Ahmad berkata, beliau sudah mengarahkan semua agensi terbabit mengambil tindakan segera dengan sewajarnya bagi memberi bantuan kepada mangsa banjir.

“Masalah logistik dan keperluan lain termasuk bekalan makanan, selimut, perubatan, pusat pemindahan dan bot sudah lama disediakan pihak terbabit,” katanya.

Menurutnya, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukkan khas bagi membina rumah baru jika mendapati mangsa banjir kehilangan tempat tinggal dalam bencana berkenaan.

Di samping itu katanya, kerosakan kemudahan awam terutama jalan raya yang rosak ketika musim banjir akan diberi perhatian serius untuk dibaiki.